



**PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA**

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

MITRA.100-9/1/1 (12)

**KENYATAAN MEDIA
PEMBUKAAN PERMOHONAN GERAN
PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
TAHUN 2025**

PUTRAJAYA, 2 DISEMBER 2024 – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Pejabat Perdana Menteri akan membuka permohonan Geran Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia 2025 (Geran PPSMI 2025) bermula pada 2 Disember 2024 (Isnin).

2. Geran PPSMI ini adalah bertujuan membantu pembangunan sosioekonomi masyarakat India di Malaysia khususnya golongan berpendapatan B40 dan M40 melalui pelaksanaan program-program pembangunan dan pemerksaan masyarakat India.
3. Pada bulan September dan Oktober 2024, MITRA telah mengadakan majlis libat urus berhubung permohonan geran di Pulau Pinang, Perak, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur yang telah dihadiri hampir 1,000 orang merangkumi Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Syarikat dan Yayasan yang bertujuan memberikan taklimat panduan permohonan geran.
4. Langkah pembukaan Geran PPSMI 2025 pada akhir bulan Disember 2024 merupakan satu langkah proaktif MITRA dalam merancang dan melaksanakan program-program untuk masyarakat India dengan lebih efektif dan efisien.
5. Semua organisasi yang berdaftar secara sah dengan agensi pendaftar Kerajaan sahaja yang boleh memohon cadangan program pembangunan untuk menaik taraf sosioekonomi masyarakat India yang berfokuskan salah satu empat (4) bidang sahaja iaitu:

- (i) Pendidikan dan Pengajian Tinggi;
 - (ii) Ekonomi dan Latihan Kerjaya;
 - (iii) Kebajikan dan Sosial; dan
 - (iv) Identiti dan Keterangan.
6. Sehubungan itu, MITRA menjemput Agensi Kerajaan, NGO, Syarikat dan Yayasan yang berminat dalam melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi masyarakat India untuk mengemukakan permohonan melalui Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA (SPGKM) <https://spgkm.mitra.gov.my/>.
 7. Satu organisasi hanya boleh mengemukakan satu permohonan dan hanya permohonan yang dikemukakan melalui SPGKM sahaja akan diproses dan dipertimbangkan.
 8. MITRA juga akan menerbitkan Garis Panduan Permohonan Geran PPSMI dalam laman web MITRA iaitu www.mitra.gov.my pada 2 Disember 2024. Permohonan untuk Geran PPSMI 2025 akan dibuka pada **2 Disember 2024 jam 2.30 petang** hingga **5 Januari 2025 jam 5.00 petang**.
 9. Untuk maklumat lanjut berhubung perkara ini, tuan/puan boleh emel kepada infomitra.gov.my atau hubungi ditalian **03-8886 6221** atau boleh *join Group WhatsApp* Komuniti NGO MADANI seperti di kod QR berikut:



-TAMAT-

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
2 DISEMBER 2024**